

# Kembalikan UMNO Kepada Perjuangan Asal

OLEH : NASERON HAJI ISMAIL

APABILA pengaruh UMNO sedikit demi sedikit mula terhakis dari arus perdana politik tanah air, itu adalah petanda bahawa perjuangan UMNO dan jasa yang ia pernah taburkan selama ini telah mula dilupakan.

Ramai pemimpin termasuk Dato' Hishamuddin Tun Hussien Onn, Pemangku Ketua Pemuda UMNO masih menganggap bahawa UMNO sebagai sebuah parti "keramat". Begitu lamanya UMNO dalam persada kuasa sehingga boleh dianggap "keramat".

Penulis bukan berniat untuk menyanggah pendapat Dato' Hishamuddin itu, namun sebagai seorang rakyat biasa yang peka kepada perkembangan politik semasa, istilah "keramat" sebe narnya tidak sesuai untuk diguna kan kepada UMNO.

Kepada majoriti umat Melayu, UMNO adalah wadah perju ngan dalam konteks "perjuangan untuk mening katkan marwah agama, bangsa dan Negara". UMNO telah memperjuangkan ke merdekaan dari penjajah British dan dari semenjak dahulu lagi UMNO memang mem perjuangkan kepentingan orang-orang Melayu dan aga ma Islam sebagai agama untuk negara.

Banyak penganalisa politik di Malaysia secara sinis menga takan bahawa UMNO kini seolah-olah seperti telah kehilangan idealisme perjuangan, justeru sekaligus menyebabkan parti sia sah itu menghadapi masalah ketandusan pemimpin pelapis un tuk menggantikan ke pimpinan (veteran) parti yang sedia ada. Benarkah ang gapan sebegitu?

Kepada golongan ini, UMNO dewasa ini dianggap sebagai sebuah parti yang hanya mementingkan soal kebendaan dan kepentingan golongan "elit" politik dan ekonomi yang sedang berkuasa.

Idealisme seperti perjuangan untuk menegakkan kebenaran dan keadilan, kebebasan dan persamaan hak khususnya melalui penentangan habis-habisan terhadap sebarang bentuk kemung karan dan penindasan politik dan ekonomi dikatakan telah dia baikan.

Justeru kerana itu penulis ingin tampil kehadapan mengutara kan bahawa antara konsep "keramat" dan "perjuangan" itu sebe narnya sangat jauh perbezaanya.

Keramat mungkin bahawa maksud "mengagong-agongkan" atau "mendewa-dewakan" yang lama atau dengan lebih jelas menuntut supaya orang mengenang jasa kita, menyokong kita dengan membuta-tuli, padahal hakikatnya kita belum tentu sang gup "berhempas-pulas" untuk menolong orang yang benar-benar memerlukan pertolongan daripada kita.

Misalnya berapa ramai dikalangan kita yang benar-benar sanggup memperjuangkan nasib golongan rakyat terbanyak seperti petani dan nelayan, peniaga kecil, pemandu teksi, pekerja kilang, pekerja-pekerja bawahan bank, termasuk ibu-ibu tunggal, para pesara seperti pesara tentera dan polis dan golongan mis kin dan golongan tertindas yang lain secara sukarela?

Penulis baru-baru ini telah melawat sebuah Pusat Perkhid matan Wakil Rakyat MCA di Sri Kembangan, Selangor Darul Eh san di waktu malam. Pejabat Bahagian MCA itu penuh sesak de ngan orang awam, kebanyakan mereka orang Cina. Menurut salah seorang pengunjung kesesakan sedemikian adalah perka ra biasa kepada pekerja sosial dan politik yang bertugas untuk Y.B. tertentu di pejabat tersebut.

Kalau bolehlah wakil rakyat UMNO mencontohi cara orang-orang MCA itu bekerja, penulis pasti orang-orang Melayu sama ada ahli UMNO atau pun bukan tidaklah perlu lagi "dirayu" untuk menyokong Barisan Nasional dalam sebarang pilihanraya pering kat negeri dan juga nasional dimasa-masa yang akan datang.

UMNO bukan parti baru, tetapi kenapa ia semakin lesu? Penulis ingin membangkitkan dua isu remah ini kepada ahli-ahli UMNO untuk sekadar bahan renungan.

Bendera UMNO, bendera negeri dan bendera Malaysia di Pejabat UMNO Bahagian Sungai Petani, Kedah Darul Aman misal nya kelihatan lusuh dan pudar seperti tidak pernah bertukar. Tidak adakah pekerja parti yang nampak hal ini lantas cepat-cepat menukarkannya?

Setiap hari rakyat pasti sentiasa memerhatikan bagaimana UMNO sebagai sebuah pertubuhan diuruskan. Itu baru parti, bagaimana sebuah Negara?

Misal yang lain pula, ada segelintir Ketua-Ketua Bahagian UMNO yang agak "malas" untuk memanggil mesyuarat AJK baha gian dan cawangan bagi tujuan untuk merancang dan melaksa nakan program "pendidikan politik", kemasyarakatan dan kema nusian. Kalau begitulah sikap mereka, bagaimana UMNO boleh mendapat sokongan padu dan tidak berbelah-bagi daripada para pengundi berbanding dengan pihak Pas dan KeADILan yang hari-hari mengadakan "ceramah politik" mereka?

Sebahagian besar bekas penyokong UMNO yang kini berada dalam Pas dan KeADILan menganggap bahawa parti UMNO itu sebagai sebuah parti golongan peniaga dan "bangsawan". Bagi orang yang berniaga, kalau "talak untung" jangan sebut

hendak berniaga. Bagi golongan bangsawan pula, rakyat mesti lah selalu menghormati dan tunduk kepada mereka.

Maka jadilah UMNO sebagai sebuah "agensi" tempat orang "cari makan" dengan berniaga dan tempat orang berebut-rebut untuk menjadi "Yang Behormat" sehingga menimbulkan rasa cemburu dan iri hati kepada orang lain yang tidak mendapat "habuan" dengan menyertai UMNO.

Pemimpin-pemimpin UMNO dikatakan tidak lagi berkaliber untuk menjadi pemimpin kelas "marhain". Susah nak cari yang benar-benar jujur dan ikhlas dalam perjuangan. Sebahagian besar dikatakan hanya mementingkan diri sendiri, pangkat, kedudukan dan juga harta .....

Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang pemimpin yang berjiwa besar. Beliau diantara "nasionalis" dan "DEMO KRAT" tulin yang pernah dilahirkan oleh UMNO.

Apabila Presiden UMNO itu difitnah, dicaci dan dinesta, dihina dan dimaki-hamun disana sini, orang-orang UMNO yang ikut ceramah Pas, DAP, dan KeADILan turut bersorak sama.

Diamanakah letaknya marwah kita bila "bapa" dan "khalifah" kita itu dikutuk sedangkan kita hanya berdiam diri dan membisu seribu bahasa. Kemanakah perginya para panglima UMNO yang sepatutnya lantang bersuara?

Dalam hubungan ini saya ingin memuji sikap konsisten yang telah ditunjukkan oleh saudara saya Encik Idris Tulis, pengarang akhbar ERA BARU.

Melalui banyak tulisan-tulisan beliau sendiri, saudara Idris Tulis telah menunjukkan betapa dirinya adalah seorang patriotik dan aktivis parti yang tulin lagi setia.

Beliau bukan sahaja mempertahankan semua keputusan MKT dan keputusan rasmi dari Presiden, malah sanggup me nyanggah sebarang bentuk fitnah dan tohmahan yang boleh dianggap sebagai "merbahaya" yang akan memudaratkan parti.

Melalui ERA BARU dan dengan nada yang berani, beliau mem perjuangkan UMNO. Sememangnya saudara Idris Tulis itu salah seorang calon yang harus diketengahkan untuk duduk dalam MKT UMNO. Orang seperti beliau harus diberi peluang untuk membentuk dasar umum parti bersama dengan tokoh-tokoh nasional yang lain....

UMNO tidak boleh berpecah belah walau pun para pemimpin suka bertelagah sesama sendiri. Jika UMNO ingin terus menjadi tunggak dan nadi kepada ketuaan politik Melayu dan Islam di Malaysia, seluruh ahli-ahli UMNO hendaklah membuka mata dan hati mereka kepada kebe naran.

## TERHAKIS

UMNO secara jujur dan ikhlas mestilah dikembalikan kepada landasan perjuangan yang asal iaitu kepada perjuangn yang berakarkan Perlembagaan UMNO dan RUKUN NEGARA.

Ratusan ribu ahli-ahli UMNO kini telah "lari" lalu mengundi Pas dan KeADILan pada Pilihanraya Umum yang lalu. Tentulah kita rasa cukup "terkilan" kerana UMNO kini cuma ada 72 sahaja kerusi di Parlimen. Bukankah itu petanda bahawa pengaruh UMNO kini semakin terhakis dan UMNO memang lemah?

Diamanakah pendekar-pendekar UMNO yang dulu lantang bersuara!?

Memanglah ahli-ahli UMNO cukup ramai tetapi kenapa "takut" untuk menghidupkan "DEMOKRASI" dalam UMNO? Dikeba nyakkan mesyuarat perwakilan bahagian, termasuk diperingkat mesyuarat Pemuda dan juga Wanita, ahli seolah-olah membenar kan "agenda" mesyuarat di monopoli oleh "power brokers" dan mereka yang berkempen dengan tokoh-tokoh tertentu untuk terus berkuasa.

Yang menghairankan penulis, sebagai pemimpin pelapis dan pewira kepada dasar perjuangan parti, Pemuda UMNO misalnya perlu bersikap lebih "vocal", gārang dan berani dalam memperjuangkan kebenaran dan menentang kebatilan.

Tetapi kalau dalam setiap mesyuarat bahagian, kita tidak berani bersuara, itu bukanlah berani namanya.

Lihat sahaja apa yang telah berlaku dalam mesyuarat Perge rakan Pemuda UMNO Bahagian Ampang Jaya pada Mac yang lalu, langsung tidak ada sebarang usul yang dikemukakan. Takkan lah langsung tidak ada usul yang boleh difikirkan bersama oleh pihak AJK dan para perwakilan!?

Dikatakan bahawa salah satu sebab kenapa UMNO boleh kalah dalam persahabatan politik mutakhir i.e. Pilihanraya Umum yang baru lalu khususnya di Kelantan dan Terengganu ialah kera na terlalu menebalnya sindrom bisu para pemimpin pemuda terhadap serangan tohmahan dan jaringan fitnah oleh parti-parti pembangkang terhadap pemimpin-pemimpin UMNO.

Pemuda adalah harapan bangsa. Sepatutnya Pemuda akan



Dato' Hishamuddin Tun Hussien Onn....anggap UMNO sebagai sebuah parti "keramat"



Tun Dr Mahathir Mohamad... "nasionalis" dan "DEMO KRAT" tulin yang pernah dilahirkan oleh UMNO.

sentiasa berada dibarisan hadapan menentang dan menangkis serangan parti-parti lawan dalam setiap percaturan politik. Ada pemerhati politik beranggapan bahawa UMNO talah diserang habis-habisan dimedan perang khususnya oleh Pas dan KeA DILan, Pemuda pula hanya mempertahankan diri "dirumah". Eh Malu ! Malu ! .....

Contohnya : salah satu medan atau platform tempat pas menabur dakyah politik ialah surau dan Masjid-masjid disel uruh negara. Pemuda dan veteran UMNO pula jarang ke surau dan kemasjid untuk "mengumarahkan" tempat ibadah tersebut supaya tidak "dikuasai" oleh puak-puak pembangkang.

Bila AJK masjid dan pengurusan jenazah dikuasai oleh or-ang-orang Pas kita marah. Apabila khatib Pas yang naik ke mim bar kita menjadi ultra-sensitif. Padahal bukannya kurang atau tidak ada langsung orang-orang UMNO yang boleh diketengah kan menjadi imam atau pun khatib....

Bila Lokman Adam, "anak hingusan" Pemuda UMNO yang kini menjadi Ketua Pemuda KeADILan Johor memaki hamun Dato' Seri Mahathir Mohamad di Sungai Petani, Kedah (rujuk : Sumpah Keramat Pemuda keADILan), Pemuda UMNO langsung tidak "respons" dan menyerang balas "keceluhan" si Lokman.

Ada ke patut Lokman suruh Perdana Menteri kita undur kera na "beruk pun dikatakan dah benci melihat muka Mahathir...." Siapa dia Lokman dibandingkan sesetengah tokoh "besar" da lam Pemuda UMNO. Orang Kedah sendiri pun semacam lebih suka membisu atau dah mula terasa "benci" pada pemimpin dari negeri sendiri yang hati-hati digelar "Mahazalim" (oleh Fadzil Noor). "Karun" (oleh Syed Husin Ali) dan "Mahafiraun" (oleh Subki Latiff) itu.

Tidak hairanlah 8 daripada 15 kerusi Parlimen di Kedah telah tumbang kepada Pas. Bukankah itu membuktikan bahawa or-ang-orang UMNO Kedah sendiri telah gagal untuk memperta hankan "ketuanan" dan kekuasaan politik mereka di sana?

Ada seorang ketua bahagian di Kedah yang tidak dipilih menjadi calon terang-terangan mem"boikot" kempen pilihanraya sambil "kutuk" dan perlekeh bekas Menteri Besar dan Dato Seri Presiden kerana memilih orang lain, bukan dirinya, untuk bertan ding. Apabila ("Ustaz") Mahfuz Omar, Ketua Pemuda Pas meng ganyang UMNO cukup-cukup di suatu debat yang diadakan di UKM, Bangi pada tahun lalu, saudara Zain Isma Ismail, salah seorang Exco Kanan Pemuda yang cuba mempertahankan UMNO akibat "ketidak-hadiran" Dato' Hishamuddin disaat-saat akhir turut menjadi mangsa sebagai "punching back" puak Pas dan KeADILan.

Kita masih ingat selepas dua minggu perdebatan berakhir, Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi telah tampil kedepan mem bela saudara Zain Isma dan seterusnya menyelamatkan marwah Pemuda UMNO dari terus dihina dan dipijak-pijak oleh puak pelampau dari golongan alternative. Sememangnya Pak Lah seorang pemimpin tulin yang berani mempertahankan parti UMNO dimana sahaja....

UMNO bukan lagi parti keramat. Kami harap Dato' Hishamu ddiin akan bersetuju dengan kenyataan ini. Lagipun pada bila-bila masa sahaja parti UMNO yang kita sayangi ini boleh tumb ang dalam pencaturan politik Tanah Air. Pilihanraya Kecil Sang gang yang diadakan pada 1 April ini diha ap tidak akan menge cewakan semua ahli-ahli UMNO.

UMNO sepatutnya lebih bersedia dan bersatu menghadapi lawan politik pada bila-bila masa. Sekarang ini pun "nasib baik" UMNO masih memerintah, bolehlah kita berbangga dan menarik nafas lega. Masih bolehlah lagi orang-orang UMNO yang memer lukan mendapat "favour" daripada kerajaan yang memerintah.

Mungkin selepas tahun 2004 nanti, UMNO akan menjadi parti pembangkang pula macam Pas,DAP,PRM dan KeADILan seka rang. Pada waktu itu mungkin segala-segalanya sudah terlambat untuk muhasabah diri.